

Keselamatan ruang fizikal sekolah pulau gaya: satu tinjauan

ABSTRAK

Pembangunan pendidikan kini telah meningkat dan berkembang pesat ekoran daripada sokongan peruntukan bajet pendidikan setiap tahun yang disediakan oleh pihak kerajaan. Sejak tahun 1979 hingga tahun 2000 dan dikembangkan lagi ke tahun berikutnya, KPM telah mengeluarkan beberapa surat pekeliling mengenai keselamatan sekolah iaitu keperluan pengurusan sekolah. Namun begitu sehingga kini sebahagian sekolah luar bandar kurang mendapat perhatian pihak berkuasa terutamanya dalam aspek peruntukan penyelenggaraan fizikal sekolah. Keadaan sedemikian telah menyebabkan keselamatan ruang fizikal di sekolah dalam keadaan yang tidak selamat. Misalnya pada tahun 2004, media massa telah memuatnaik liputan mengenai terdapat 60 lebih sekolah rendah dan menengah yang diarahkan tutup oleh Kementerian Pelajaran kerana keadaan sekolah yang dikatakan tidak selamat dan telah mendatangkan pelbagai masalah seperti dinding dan tiang retak, sistem pendawaian lama, kebocoran di bahagian bumbung dan siling, masalah anai-anai, tiada pengawalan terhadap keselamatan bengkel, makmal sains, perpustakaan, gelanggang permainan, stor sukan, serta kawasan sunyi dan gelap yang terdapat dalam bangunan sekolah (24 jam). Kertas kerja ini cuba mengetegahkan tentang penelitian dan tinjauan awal tentang keselamatan ruang fizikal khususnya di sekolah Pulau Gaya. Laporan kemalangan dan kecederaan di peringkat sekolah di Malaysia juga turut diteliti mengikut pola jenis kemalangan, bilangan dan jantina pelajar. Tambahan lagi, pendekatan keselamatan dan Modul Program Bersepadu Sekolah Selamat serta Model Sekolah Selamat juga turut disertakan supaya dapat mewujudkan ruang yang selamat di sekolah Pulau Gaya dan dapat diaplikasikan dengan sekolah yang lain.